

23 April 2017

KENYATAAN MEDIA

*oleh Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)*

KURANGKAN 10% PENGGUNAAN DOMESTIK DI PULAU PINANG

- **PBAPP meminta sokongan semua penduduk Pulau Pinang untuk mengurangkan 10% penggunaan air di rumah pada tahun 2017.**
- **Sasaran: pengurangan penggunaan air daripada 827 JLH pada tahun 2016 kepada 778 pada tahun 2017.**

PULAU PINANG, Ahad, 23/4/2017: Rakyat negeri Pulau Pinang mesti mengurangkan penggunaan air domestik sebanyak 10% pada tahun 2017 untuk memastikan bekalan air mencukupi sehingga tahun 2020.

Pada tahun 2016, penggunaan domestik per kapita di Pulau Pinang adalah 286 liter/kapita/hari (l/k/h). Walaupun terdapat penurunan sebanyak 5 l/k/h berbanding 291 l/k/h pada tahun 2015, penggunaan domestik per kapita Pulau Pinang masih yang tertinggi di Malaysia pada tahun 2016.

286 l/k/h adalah 36.8% lebih tinggi daripada purata kebangsaan sebanyak 209 l/k/h. Ia juga 93.2% lebih tinggi daripada purata Singapura iaitu 148 l/k/h.

Tahun lalu, penggunaan air keseluruhan di Pulau Pinang berjumlah 827 juta liter sehari (JLH). Pada tahun 2006 pula, penggunaannya adalah 684 JLH. Oleh itu, dalam tempoh 10 tahun, penggunaan air kita meningkat lebih kurang 21%.

Harus diingat bahawa penggunaan domestik di Pulau Pinang menyumbang 59.4% daripada penggunaan air keseluruhan pada 2016.

Dalam erti kata lain, pengguna domestik menggunakan air lebih daripada semua industri, hotel dan perusahaan komersial yang beroperasi di Pulau Pinang. Oleh itu, pengurangan dalam penggunaan domestik akan memberi

impak yang besar kepada pemuliharaan air di Pulau Pinang.

Jimat 28.6 liter setiap orang setiap hari untuk menjimatkan 49.2 juta liter sehari

Berdasarkan statistik tahun 2016 iaitu 286 l/k/h, pengurangan 10% adalah 28.6 liter setiap orang setiap hari. Ini akan mengurangkan penggunaan per kapita kepada kira-kira 257 l/k/h.

Pengurangan keseluruhan oleh 1.72 juta penduduk adalah 49.2 JLH. Jika dibahagi 49.2 JLH daripada penggunaan air pada tahun 2016 iaitu 827 JLH, hasilnya adalah 778 JLH.

Berdasarkan purata kadar peningkatan 2.1% setahun, Pulau Pinang sepatutnya menggunakan 794 JLH pada tahun 2017, 811 JLH pada tahun 2018 dan 828 JLH pada tahun 2019 dan 845 JLH pada tahun 2020.

Kebergantungan yang tinggi terhadap hanya 1 sumber air mentah

Sebab yang paling memaksa untuk jimat air di rumah adalah kebergantungan yang tinggi Pulau Pinang kepada hanya 1 sumber air mentah: Sungai Muda. Sungai Muda hanya mampu memenuhi keperluan air Pulau Pinang sehingga tahun 2020 berdasarkan trend semasa penggunaan air yang tinggi.

Lebih 80% daripada air mentah Pulau Pinang diambil daripada sungai ini setiap hari.

Bagi Sungai Muda, sila ambil perhatian faktor-faktor berikut:

1	Ia satu-satunya sumber air mentah Pulau Pinang yang dikongsi dengan Kedah.
2	PBAPP mengabstrak air mentah di hilir 14 loji rawatan air SADA dan 3 muka sauk pengairan JPS di Kedah.
3	Kedah masih mengeluarkan lesen aktiviti pembalakan di Ulu Muda walaupun bantahan daripada NGO dan pelbagai pendedahan di akhbar. Ulu Muda adalah tadahan air untuk Sungai Muda, dan juga untuk Empangan Muda, Empangan Pedu dan Empangan Ahning. Pembalakan mengancam bekalan air untuk 4.05 juta penduduk di Perlis, Kedah dan Pulau Pinang.
4	Pada 2016, paras Empangan Beris dan Empangan Muda di Kedah menurun di bawah paras kritikal ketika musim Super El Nino. Empangan ini telah dibina untuk melepaskan air ke dalam Sungai

	Muda ketika musim kemarau. Pengurangan rizab air mentah empangan ini yang pantas pada 2016 hampir menyebabkan krisis air di Selatan Kedah dan Pulau Pinang. Tiada musim kemarau pada tahun ini. Bagaimanapun, paras Empangan Muda menurun daripada 60.3% pada 1 Januari 2017 kepada 34.5% pada 17 April 2017.
5	Perubahan iklim telah menukar corak cuaca dan hujan. Kita tidak tahu bila musim kemarau yang panjang akan datang selepas ini. Kita tidak tahu seteruk mana ia akan berlaku.

Subsidi air domestik RM91 million

Purata tarif air domestik Pulau Pinang untuk 35,000 liter pertama setiap bulan hanyalah RM0.32 setiap 1,000 liter. Ini adalah purata tarif air domestik terendah di Malaysia. Purata kebangsaan pula adalah RM0.70 setiap 1,000 liter, atau 118% lebih tinggi.

PBAPP terpaksa membelanjakan RM91 juta sebagai subsidi untuk mengekalkan tarif domestik mesra rakyat ini. Memandangkan PBAPP melabur semula sebahagian besar daripada keuntungan operasinya di Pulau Pinang setiap tahun, RM91 juta ini boleh diperuntukkan untuk projek infrastruktur bekalan air bagi menjamin bekalan air Pulau Pinang pada masa depan .

Peranti Penjimatan Air (WSD)

Cara yang paling mudah dan menyenangkan bagi pengguna untuk jimat air “secara automatik” adalah untuk memasang peranti penjimatan air, atau WSD, di rumah mereka. WSD adalah paip, kepala pancuran, kepala paip, sistem tandas, mesin basuh dan mesin basuh pinggan mangkuk yang mempunyai kelengkapan khas bagi mengurangkan penggunaan air.

PBAPP meminta agar Kerajaan Negeri Pulau Pinang meminda undang-undang kecil bangunan untuk mewajibkan pemasangan mandatori WSD dalam semua projek pembangunan baru.

Terima kasih.

*Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP).*



PBA

Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
(475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda

Meeting all your water supply needs

Hubungi : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my